

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD  
(SHAH ALAM)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.06.2015**

**Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [ SHAH ALAM ]** minta

**MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- a. jumlah kutipan cukai barang dan perkhidmatan (GST) semenjak 1 April 2015 sehingga tarikh semasa; dan
  
- b. adakah cukai Perkhidmatan 10% akan dimansuhkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah keseluruhan kutipan hasil GST dari bulan April hingga Mei 2015 adalah sebanyak RM4.95 bilion. Pecahan kutipan hasil adalah seperti berikut:

- i. Import - RM2.86 bilion
- ii. Tempatan (bersih) - RM2.09 bilion

Bagi syarikat-syarikat yang mempunyai tempoh bercukai tiga bulan, penyata GST-03 hanya akan dikemukakan pada bulan berikutnya. Oleh itu, kutipan hasil GST bagi kedua-dua tempoh bercukai bagi bulan April, Mei dan Jun hanya akan dapat dimuktamadkan selepas 31 Julai 2015.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat kekeliruan antara cukai perkhidmatan dan caj perkhidmatan. Cukai perkhidmatan adalah satu jenis cukai dalam negeri yang dikenakan oleh Kerajaan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Cukai perkhidmatan mempunyai satu kadar sahaja iaitu 6%. *Threshold* yang ditetapkan adalah berbeza-beza mengikut kumpulan perniagaan iaitu sehingga RM3 juta. Namun begitu, dengan pelaksanaan GST bermula 1 April 2015, cukai perkhidmatan ini telah dimansuhkan dan digantikan dengan GST pada kadar yang sama iaitu 6%

dengan threshold RM500,00.

Manakala caj perkhidmatan pula adalah caj yang dikenakan oleh perniagaan terutamanya dalam industri perhotelan dan restoran. Ia bukan cukai yang dikenakan oleh Kerajaan tetapi merupakan suatu caj perkhidmatan yang disediakan. Kadar caj perkhidmatan lazimnya ditetapkan pada 5% atau 10%. Hasil kutipan caj perkhidmatan tidak disalurkan kepada Kerajaan. Amalan mengenakan caj perkhidmatan terutamanya di kalangan hotel, resort dan restoran bertaraf antarabangsa adalah untuk menggantikan pembayaran tip. Tip adalah ganjaran yang diberikan oleh pelanggan kepada pekerja yang memberi layanan atau perkhidmatan yang memuaskan hati pelanggan berkenaan. Walau bagaimanapun, bukan semua perniagaan yang telah mengutip caj perkhidmatan akan menyalur kembali kepada pekerjanya terutamanya yang tidak mempunyai perjanjian kolektif berhubung pengutipan caj perkhidmatan.